



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PENETAPAN KADAR PENGIRAAN FI LESEN KENDERAAN MOTOR (LKM) DAN TEMPOH PEMBAHARUAN LKM BAGI KENDERAAN e-HAILING

PUTRAJAYA – Seperti semua sedia maklum, **perkhidmatan e-Hailing** telah dikawal selia mulai tahun 2019. Walau bagaimanapun, terdapat isu berbangkit yang melibatkan pemilik kenderaan e-Hailing yang mengalami **kesukaran untuk memperbaharui Lesen Kenderaan Motor (LKM)** apabila tempoh permit kenderaan tersebut (eVP) telah hampir tamat dan berbaki tempoh sah laku kurang daripada 6 bulan.

Menyedari hakikat itu, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) telah mengambil pendekatan bagi menyelesaikan isu tersebut dengan **menyelaraskan semula penetapan kadar pengiraan fi LKM dan tempoh pembaharuan LKM** bagi kenderaan perkhidmatan e-Hailing.

Ini bermakna, semua kenderaan perkhidmatan e-Hailing yang **berdaftar secara sah** akan diberikan kebenaran memperbaharui LKM untuk sesuatu tempoh yang **lebih singkat daripada tempoh enam (6) atau 12 bulan**. Namun, pembaharuan LKM ini masih **tertakluk kepada tempoh sah laku terendah eVP, laporan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM)** dan **tempoh perlindungan insurans yang masih berkuatkuasa**.

Dalam hal ini, tempoh sah LKM bagi kenderaan perkhidmatan e-Hailing akan ditetapkan **tempoh minimum satu (1) bulan** manakala **tempoh maksimum pula adalah 12 bulan**. Pemilik kenderaan perkhidmatan e-Hailing diberi **fleksibiliti** untuk memperbaharui LKM untuk **tempoh satu (1) hingga lima (5) bulan**, di mana kadar fi terkumpul tidak akan melebihi kadar fi LKM enam (6) bulan. Kadar fi LKM bagi **tempoh 6 bulan dan 12 bulan** pula adalah **tidak berubah**. Kemudahan ini hanya terpakai selagi mana kenderaan berkenaan masih **berdaftar sah** sebagai kenderaan e-Hailing.

Penetapan kadar fi dan tempoh LKM ini akan berkuatkuasa mulai **30 Januari 2026**. Contoh kadar fi LKM mengikut tempoh dan cc kenderaan e-Hailing adalah seperti di **LAMPIRAN**.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

28 JANUARI 2026

-TAMAT-

LAMPIRAN

CONTOH KADAR FI LKM MENGIKUT TEMPOH DAN CC KENDERAAN

	KOD KEGUNAAN ASAL "AB"					KOD KEGUNAAN ASAL "AD"				
	KADAR FI SEDIA ADA		KADAR FI DIPERKENALKAN			KADAR FI SEDIA ADA		KADAR FI DIPERKENALKAN		
TEMPOH SAH	12	6	3	2	1	12	6	3	2	1
KADAR FI										
A. MALAYSIA BARAT										
Bahan Bakar :										
Petrol/Diesel/Diesel Hijau										
1000 cc dan ke bawah	20.00	10.00	5.00	3.40	2.70	20.00	10.00	5.00	3.40	2.70
1001 cc hingga 1200 cc	55.00	27.50	13.80	9.20	5.60	85.00	42.50	21.30	14.20	8.10
1201 cc hingga 1400 cc	70.00	35.00	17.50	11.70	6.80	100.00	50.00	25.00	16.70	9.40
1404 cc hingga 1600 cc	90.00	45.00	22.50	15.00	8.50	120.00	60.00	30.00	20.00	11.00
B. SABAH/SARAWAK										
Bahan Bakar :										
Petrol/Diesel/Diesel Hijau										
1000 cc dan ke bawah	20.00	10.00	5.00	3.40	2.70	20.00	10.00	5.00	3.40	2.70
1001 cc hingga 1200 cc	44.00	22.00	11.00	7.40	4.70	42.50	21.30	10.70	7.10	4.60
1201 cc hingga 1400 cc	56.00	28.00	14.00	9.40	5.70	50.00	25.00	12.50	8.40	5.20
1404 cc hingga 1600 cc	72.00	36.00	18.00	12.00	7.00	60.00	30.00	15.00	10.00	6.00
C. LANGKAWI										
Bahan Bakar :										
Petrol/Diesel/Diesel Hijau										
1000 cc dan ke bawah	20.00	10.00	5.00	3.40	2.70	20.00	10.00	5.00	3.40	2.70
1001 cc hingga 1200 cc	27.50	13.80	6.88	4.60	3.30	42.50	21.30	10.70	7.10	4.60
1201 cc hingga 1400 cc	35.00	17.50	8.75	5.90	4.00	50.00	25.00	12.50	8.40	5.20
1404 cc hingga 1600 cc	45.00	22.50	11.25	7.50	4.80	60.00	30.00	15.00	10.00	6.00
C. LABUAN										
Bahan Bakar :										
Petrol/Diesel/Diesel Hijau										
1000 cc dan ke bawah	20.00	10.00	5.00	3.40	2.70	20.00	10.00	5.00	3.40	2.70
1001 cc hingga 1200 cc	22.00	11.00	5.50	3.70	2.90	21.30	10.70	5.40	3.60	2.80
1201 cc hingga 1400 cc	28.00	14.00	7.00	4.70	3.40	25.00	12.50	6.30	4.20	3.10
1404 cc hingga 1600 cc	36.00	18.00	9.00	6.00	4.00	30.00	15.00	7.50	5.00	3.50